

2 pingat emas di lapangan memanah

VIENTIANE - Malaysia mendomini acara compound individu wanita setelah menggondol tiga pingat yang dipertandingkan iaitu emas, perak dan gangsa dalam pertarungan akhir Sukan Universiti ASEAN 2012 di lapangan memanah, Kompleks Sukan Nasional di sini, semalam.

Dua pemanah kebangsaan, Saritha Cham Nong dan Norhayati Al Madihah Hashim bertembung se-sama sendiri dalam perebutan pingat emas dan perak yang berkesudahan kemenangan berpihak kepada Saritha.

Penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) itu mempamerkan aksi yang konsisten bagi membolehkannya mengumpul 140 mata berbanding rakan senegara, Norhayati yang memungut 131 mata.

Seorang lagi pemanah negara, Fatin Nur fatehah Mat Salleh sekadar berpuas hati merangkul gangsa selepas mengetepikan saingan peserta tuan rumah, Bupha Thana pada perlawanan yang dilangsungkan lebih awal.

Saritha ketika ditemui berkata, dia tidak menduga untuk memenangi emas memandangkan lawannya itu merupakan pemanah yang lebih berpengalaman beraksi di pentas antarabangsa.

"Prestasi konsisten yang berjaya saya kekalkan sejak saingan separuh akhir hingga ke final mungkin menjadi faktor kepada kemenangan saya hari ini (semalam).

"Peluang kami sebenarnya 50-50, kedua-dua kami agak gerimtar pada perlawanan akhir tadi (semalam), saya agak kekok bertemu dengan Norhayati kerana selama ini dia merupakan pesaing saya di peringkat universiti, tetapi apabila beraksi di sini kami berada di bawah satu bendera," katanya. Pasukan memanah negara mengutip emas kedua menerusi Mohd. Firdaus Isa yang menewaskan Tannonglith Sariponh dalam acara akhir *compound* individu lelaki, sementara rakannya, Mohd. Kaharudin Ashah memenangi gangsa.

Dalam acara *recurve* individu wanita, Malaysia sekadar berpuas hati meraih gangsa menerusi Ezryn Meza Mohamed Hamzah yang berjaya menyekat cabaran pemanah Indonesia, Erwina Safitri. - UTUSAN